

Baiki mutu pengangkutan awam

Perancangan 5 tahun mampu tambah baik sistem teksi berkupon

IZWAN ROZLIN

SUBANG - Perancangan lima tahun Koperasi Pemandu Teksi Terminal 3 Subang Berhad mampu memperbaiki sistem dan mutu perkhidmatan teksi berkupon di Terminal Lapangan Terbang Subang Skypark dekat sini.

Pengerusinya, Mohd Yunus Dol berkata, perancangan tersebut meliputi pelbagai aspek termasuk sistem pengurusan yang komprehensif dan berdaya saing selaras dengan kehendak kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam.

Menurutnya, perancangan itu termasuklah penukaran teksi bajet dari jenis proton Iswara kepada jenis MPV Proton Exora bagi meningkatkan mutu perkhidmatan teksi yang lebih selesa dan perkara itu kini di dalam perbincangan antara koperasi dan pihak Proton.



Mohd Yunus (duduk, dua kiri) bersama ahli koperasi yang hadir pada mesyuarat agung kedua semalam. Mesyuarat dirasmikan oleh Penolong Pengarah SKM Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin (duduk, tiga kiri).

"Penukaran akan dibuat secara berperingkat mengikut kemampuan pemandu dan koperasi bermula 2012 hingga 2016, malah kita ber-

bangga kerana proses rundingan bersama Proton berjalan lancar," katanya ketika ditemui pada Mesyuarat Agung kali kedua koperasi itu baru-

baru ini.

Beliau berkata, beberapa aspek termasuk soal kebersihan, penampilan, peningkatan tahap dan kemahi-

ran berkomunikasi para pemandu turut dititikberatkan termasuk perlu mengikuti kursus bahasa utama di negara ini.

"Kita juga mahu peningkatan sistem kaunter dan kupon yang lebih telus dan teratur, sistem giliran berasaskan nombor giliran termasuk mewujudkan pembantu kepada penumpang yang dilihat bakal menjadikan perkhidmatan teksi di sini lebih mesra dan teratur," katanya.

Mohd Yunus berkata, setakat ini koperasi sudah memohon 100 permit teksi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) selain turut memohon pewartaan pangkalan pemandu teksi yang kertas cadangannya disokong oleh Malaysia Airport Berhad (MAB) dan sedang menunggu persetujuan SPAD.

"Segala yang diusahakan sebenarnya perlukan kerjasama terbaik daripada pelbagai pihak," katanya.